

BAB SATU

LATAR BELAKANG PERSURATKHABARAN

MELAYU DI TANAH MELAYU

LATAR BELAKANG PERSURATKHABARAN MELAYU DI TANAH MELAYU

Pendahuluan

Penciptaan alat cetak mendorong kelahiran dan perkembangan persuratkhabaran termasuklah di Tanah Melayu. Sejak daripada dahulu lagi suratkhabar merupakan alat komunikasi bagi masyarakat moden di dunia ini. Kelahiran suratkhabar telah membuktikan bahawa masyarakat telah maju iaitu sekurang-kurangnya telah tahu membaca atau menulis dan tidak lagi buta huruf.

Sebenarnya, tidak diketahui tarikh yang tepat mengenai akhbar yang mula-mula sekali diterbitkan di dunia. Ini kerana tiada sumber yang mencatatkan bilakah akhbar yang pertama diterbitkan. Tetapi ada yang menyatakan, akhbar *Post Och Inrikes Tidningar* yang diterbitkan pada tahun 1664 di Sweden adalah akhbar pertama di dunia.¹ Menurut Sulaiman Masri pula, akhbar yang pertama sekali diterbitkan di dunia adalah *Tsing Pao*. Akhbar ini diterbitkan di China, tarikh tepat akhbar ini diterbitkan juga tidak diketahui, tetapi dijangkakan ianya diterbitkan pada tahun 500 Sebelum Masihi.²

Tanah Melayu juga tidak ketinggalan dalam menerbitkan surat khabar dan majalah dalam pelbagai terbitan dan nama.³ Tanah Melayu hanya mempunyai akhbar awal kurun ke-19. Akhbar yang pertama di terbitkan di Malaya adalah *Prince Of Wales Island Gazette* yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris di Pulau

¹ Mustaffa Suhaimi, *Jurnalisme Akhbar*, Kuala Lumpur: Progressive Products Supply, 1986, hlm. 1

² Sulaiman Masri, *Penulisan Berita Dalam Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990, hlm. 2.

³ *Ibid.*, hlm. 3.

Pinang pada tahun 1805. Kemudiannya diikuti oleh *Singapure Chronicle*, diterbitkan pada tahun 1824 di Singapura, *Singapore Free Press* pada tahun 1835 diterbitkan di Singapura dan juga *Penang Gazette* pada tahun 1838.

Kesemua penerbitan awal akhbar-akhbar ini adalah bertapak di negeri-negeri Selat.⁴ Ketiadaan undang-undang yang ketat di Negeri-Negeri Selat menyebabkan pertumbuhan akhbar seperti “cendawan tumbuh” selepas hujan. Perkembangannya adalah teramat pesat sekali.⁵ British seolah-olah tidak menyekat penerbitan akhbar-akhbar tersebut. Ini kerana akhbar seperti *Prince Of Wales Island Gazette*, *Singapure Chronicle*, *Singapure Free Press* dan juga *Penang Gazette* tidak memberikan tentangan atau membahaya terhadap pendudukan British di Malaya.

Manakala akhbar dan majalah yang menggunakan bahasa Melayu dan bertulisan Jawi hanya mula diterbitkan di Tanah Melayu pada tahun 1876. Pengeluaran ataupun perusahaan akhbar berbahasa Melayu pada mulanya dipelopori oleh golongan Jawi Peranakan iaitu sama ada DKK (Darah Kacukan Keling) atau DKA (Darah Kacukan Arab). Akhbar pertama diterbitkan di Tanah Melayu ialah Jawi Peranakan. Ianya di terbitkan dalam tahun 1876. Akhbar ini telah diterbitkan pada setiap Isnin di Singapura oleh Munsyi Abdullah Bin Dada Mohyiddin. Beliau adalah berketurunan DKK. Akhbar *Jawi Peranakan* ini hanya bertahan sehingga tahun 1895.⁶ Pengeluarannya hanyalah dapat bertahan selama

⁴ Mustaffa Suhaimi, *Jurnalisme Akhbar*, op. cit., hlm. 1.

⁵ Zulkipli Mahmud, *Warta Malaya Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979, hlm. 1.

⁶ William R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Suara Sinaran, 1967, hlm. 9.

19 tahun sahaja. Kemudiannya penerbitannya terpaksa diberhentikan kerana menghadapi beberapa masalah yang rumit.

Manakala *Sekolah Melayu* pula mula terbit pada tahun 1888. Akhbar ini yang telah diterbitkan oleh Mohd Ali.⁷ Selain itu majalah yang terkenal yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi ialah majalah *Al-Imam*. *Al Imam* telah diterbitkan pada 22 Julai tahun 1906. Antara pengarang-pengarangnya yang terkenal adalah seperti Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin Al-Azahari, Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi dan Haji Abas Mohd Taha. Ukuran saiz *Al Imam* adalah 6.3 inci lebar dan 8.8 inci panjang.⁸ Harga senaskah akhbar ini adalah 25 sen duit negeri Selat.⁹ Majalah ini adalah merupakan majalah keluaran bulanan. Jumlah kesemua keluarannya adalah sebanyak 31 keluaran sahaja.¹⁰

Mungkin kita tertanya-tanya kenapa akhbar-akhbar ini hanya bertahan penerbitannya cuma beberapa tahun sahaja, ini adalah kerana akhbar-akhbar yang di tulis dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi baik di Tanah Melayu ataupun Singapura sebelum perang dan awal tahun 1940-an adalah terdiri daripada perusahaan perusahaan kecil sahaja.¹¹ Akhirnya akhbar-akhbar ini terpaksa diberhentikan kerana kekurangan modal. Di samping itu juga, pihak pemerintah

⁷ *Ibid.*, hlm. 11.

⁸ Iskandar Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1973, hlm. 8.

⁹ Abu Bakar Hamzah, *Al Imam Its Role In Malay Society 1906- 1908*, Canterbury: University Of Kent, 1981, hlm. 20.

¹⁰ Abdullah Jaafar, "Al Imam", dalam *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 7.

¹¹ Abdul Karim Abdullah, *A. Samad Ismail: Ketokohan Dan Kewartawanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991, hlm. 30.

tidak memberikan sokongan dalam berbentuk kewangan bagi membantu memperkembangkan penerbitan akhbar ini.

Kecenderongan orang India-muslim dalam menghasilkan majalah dan akhbar adalah merupakan satu fenomena yang amat menarik dan harus diselidiki oleh para sarjana. Ini kerana akhbar dan majalah Melayu adalah bahan sangat mustahak yang memberikan pandangan secara langsung terhadap perkembangan, pergelakkan dan perubahan yang berlaku di sepanjang masa dalam masyarakat Melayu.¹² Oleh itu, tidaklah keterlaluan jika kita menyatakan bahawa akhbar-akhbar Melayu adalah merupakan penyampai suara serta isi hati orang Melayu dan mewakili pendapat orang Melayu. Ini kerana orang Melayu cuba menggunakan saluran ini sebagai salah satu media untuk menyampaikan isi hati mereka terhadap pemerintah kolonial.

Manakala sewaktu Perang Dunia Kedua meletus, penerbitan akhbar di Tanah Melayu mengalami kemerosotan. Ini kerana pihak Jepun telah menyekat pengeluaran akhbar tersebut. Hanya beberapa akhbar sahaja yang dibenarkan diterbitkan pada zaman Jepun. Itupun, isi kandungannya mestilah pro-Jepun. Tetapi selepas Perang Dunia Kedua tamat penerbitan akhbar mula mengalami zaman pertumbuhan. Antara beberapa akhbar yang popular yang diterbitkan selepas Perang Dunia Kedua adalah seperti *Pelita Malaya*. *Pelita Malaya* ini telah diterbitkan pada tahun 1946 iaitu pada 4 Mac 1946 dan tamat keluarannya pada 3 Ogos 1948.¹³ *Pelita Malaya* menggunakan bahasa Melayu dan bertulisan Jawi. Ianya mengandungi empat halaman dan terbit pada setiap hari. Akhbar ini adalah

¹² Khoo Kay Kim, *Majalah Dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1984, hlm. 16.

¹³ Adnan Nawang, "Pelita Malaya", dalam *Lembaran Akhbar Melayu*, op cit., hlm., 33.

di bawah pimpinan Zulkifli A'uni dan dicetak oleh Tai Chong Press Kuala Lumpur.¹⁴ Akhbar ini dipelopori dan ditaja oleh orang kuat Parti Kebangsaan Melayu Malaya seperti Ishak Haji Muhammad.

Tetapi apa yang kita dapat daripada kajian terhadap isi kandungan surat khabar melayu bertulisan Jawi ini, didapati bahawa ianya amat miskin dari segi isi kandungannya. Berapa peristiwa penting tidak ditulis atau diulas contohnya cara pentadbiran British di Tanah Melayu, dasar-dasar yang diamalkan oleh British di Tanah Jajahannya serta penentangan orang-orang Melayu terhadap British. Pada umumnya saiz folio yang digunakan oleh akhbar Melayu yang menggunakan tulisan Jawi ini tidaklah begitu besar iaitu bersaiz 15.4 inci lebar dan 22 inci panjang.

Latar Belakang *Warta Negara*

Akhbar ini menggunakan tulisan Jawi dan di terbitkan pada tahun 1945. Akhbar *Warta Negara* ini dan beribu pejabat di No. 216, Penang Road, Pulau Pinang. Akhbar *Warta Negara* adalah dicetak oleh Warta Negara Press yang terletak di Pulau Pinang dan dikeluarkan sebagai terbitan harian.

Manakala pengarangnya yang pertama ialah Encik Ibrahim Mahmud. Beliau dilahirkan Pulau Pinang dan telah mendapat pendidikan Melayu, Arab dan Inggeris.¹⁵ Ini menunjukkan bahawa Encik Ibrahim Mahmood merupakan seorang yang berpendidikan. Beliau adalah bekas pengarang beberapa akhbar di Tanah Melayu dan Singapura. Beliau juga pernah berkhidmat dengan *Warta*

¹⁴ Iskandar Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, op. cit., hlm. 56.

¹⁵ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1981, hlm. xxvi.

Malaya pada masa sebelum Perang Dunia Kedua. Sewaktu Pendudukan Jepun beliau telah pun berkerja dengan *Penang Shimbon* sebagai editor ataupun pengarang. Selepas Perang Dunia Kedua tamat maka akhbar *Penang Shimbon* telah ditukarkan nama kepada *Warta Negara*. Ibrahim Mahmud sendiri yang telah mencadangkan nama *Warta Negara*.¹⁶ Beliau telah menjadi pengarang akhbar *Warta Negara* sehingga tahun 1952. Selepas itu, beliau telah memulakan khidmatnya pula dengan sebuah majalah iaitu *Suara UMNO*.¹⁷

Manakala pengarang *Warta Negara* yang kedua pula adalah Abdul Wahab bin Zain. Encik Abdul Wahab ini merupakan penolong pengarang sewaktu Encik Ibrahim menjadi pengarang. Kemudiannya Abdul Wahab telah membuat pembaharuan dengan menerbitkan *Warta Mingguan* yang diterbitkan hanya seminggu sekali.

Selain daripada itu, tajuk *Warta Negara* ditulis dengan huruf Jawi dan kemudiannya diikuti dengan huruf rumi yang saiznya adalah lebih kecil daripada huruf jawi tadi. Cogan kata akhbar *Warta Negara* ini adalah “The First Malay Daily Newpaper Publish After The Britian Re-occupation Of Malaya” atau dalam bahasa Melayunya bermaksud “Julung-julung kalinya akhbar harian Melayu yang diterbitkan di dalam masa selepas perang”. Cogan kata ini ditulis dalam dua bahasa iatu bahasa Ingeeris dan Bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu ia menggunakan tulisan Jawi. Cogan kata ini terletak di bahagian hadapan akhbar *Warta Malaya*. Sila lihat lampiran “1(a) dan 1(b)”.

¹⁶ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, op. cit., hlm. xxxiii.

¹⁷ Nik Ahmad Nik Hassan, ‘The Malay Press; The Early Phase Of The Malay Venacular Press, 1876-1906’, Journal Of The Malayan Branch Royal Asiatic Society, Vol. 36, No. 201, 1963, hlm. 75.

Pada umumnya saiz folio yang digunakan oleh akhbar Melayu yang menggunakan tulisan Jawi ini tidaklah begitu besar. Akhbar *Warta Negara* adalah bersaiz 15.4 inci lebar dan 22 inci panjang. Selain itu, jika diteliti *Warta Negara* di awal penerbitannya hanya mengandungi 2 halaman. Sebagai contoh keluaran 13 Januari sehingga 30 Mac 1946. Manakala Keluaran 1 April hingga Jun 1946 jumlah muka surat yang terdapat ialah empat muka surat sahaja. Pada tahun 50-an barulah *Warta Negara* mengandungi enam muka surat.

Warta Negara mengandungi beberapa ruangan. Oleh itu eloklah rasanya kita lihat serba sedikit tentang perkara-perkara yang terkandung dalam ruangan yang terdapat dalam *Warta Negara*.

a) Ruangan Rencana Pengarang

Ruangan rencana pengarang ini mengandungi tulisan-tulisan yang ditulis oleh pengarang *Warta Negara*. Biasanya pengarang akan menulis sesuatu perkara yang menjadi bualan masyarakat ataupun isu terkini. Ruangan ini adalah merupakan antara ruangan yang paling penting. Contohnya adalah seperti tulisan pengarang yang disiarkan dalam ruangan rencana pengarang keluaran 4 Mac 1946. Antara isi yang di kemukakan dalam rencana pengarang tersebut ialah harapan umat Melayu terhadap persidangan Kongres Melayu yang berjalan di Kuala Lumpur. Orang Melayu telah menaruh harapan yang tinggi agar persidangan ini akan mencapai kejayaan.¹⁸ Ruangan ini menunjukkan pandangan pengarang yang mewakili *Warta Negara*.

¹⁸ *Warta Negara*, 4 Mac 1946.

b) Fikiran –fikiran Pembaca Kita.

Dalam ruangan ini disiarkan pendapat atau komen daripada para pembaca yang menghantarkan pendapat atau tulisan mereka kepada *Warta Negara*. Setiap hari *Warta Negara* akan menyiaran beberapa komen atau pendapat para pembaca yang menyentuh pelbagai isu dalam ruangan ini. Contohnya pada 14 Mac 1946 telah disiarkan pendapat pembaca yang meragui tentang halal haram daging lembu yang terdapat dalam tin atau ditinkan. Beliau menyuarakan keraguannya terhadap masalah itu kerana ada pendapat yang menyatakan bahawa daging lembu dalam tin adalah halal dimakan. Beliau telah memberikan pendapat bahawa daging tersebut haram dimakan.¹⁹

c) Iklan.

Setiap hari telah dikhaskan beberapa kolumn untuk menyiaran beberapa iklan di dalam *Warta Negara*. Melalui penyiaran iklan ini *Warta Negara* akan mendapat bayaran terhadap iklan yang disiarkan. Pelbagai-bagai iklan telah disiarkan dalam akhbar *Warta Negara*. Antara iklan yang paling banyak sekali disiarkan dalam akhbar ini ialah iklan tentang pertunjukkan persesembahan ataupun pertunjukkan bangsawan. Iklan sebegini telah disiarkan setiap kali keluaran *Warta Negara*. Contohnya adalah seperti Wembley Park Grand Diamond akan mempersembahkan tayangan bangsawan yang bertajuk “Hantu Di Pulau Bahagia.”²⁰ Selain itu, disiarkan juga iklan tentang “Penjualan Kitab Arab”,²¹ “Jualan Kasut di Kuala Lumpur”.²²

¹⁹ *Warta Negara*, 4 Mac 1946.

²⁰ *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

d) Ruangan Kenyataan.

Ruangan kenyataan ini adalah merupakan ruangan untuk menyampaikan maklumat kepada para pembaca tentang sesuatu perkara. sebagai contoh ‘Ahli-ahli angkatan Tentera Sukarela Melayu (*Malay Volunteer*) boleh pergi daftar nama di Pejabat Daftar Persekutuan Tempatan Malaya untuk mengambil elauan pada pukul 10.00 pagi, 5 Mei 1946.²³

Selain daripada itu juga dalam akhbar *Warta Negara* juga disiarkan tentang berita dalam dan luar negeri. Tetapi bertumpu tentang negeri-negeri sebelah utara atau berjiran seperti Pulau Pinang, Kedah dan Perak adalah lebih banyak disiarkan berbanding dengan negeri lain. Jika kita lihat antara berita dalam negeri yang disiarkan adalah termasuklah berita berkenaan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, Sultan Perak melawat jajahannya, dan pelbagai lagi. Manakala berita tentang luar negara adalah termasuk Belanda hendak menyerahkan Indonesia terhadap Ikatan Bangsa-Bangsa Bersatu.²⁴

Hubungan *Warta Negara* Dengan Akhbar Sezaman

Warta Negara adalah antara akhbar yang paling lantang menyuarakan dan menyiarkan berita tentang politik orang Melayu dalam tahun 1946. Antara berita-berita yang sering dipaparkan adalah mengenai reaksi dan tindakkan orang Melayu dalam menentang Malayan Union. Selain itu juga, akhbar ini sering

²¹ *Warta Negara*, 18 Januari 1946.

²² *Warta Negara*, 17 Januari 1946.

²³ *Warta Negara*, 1 Mei 1946.

²⁴ *Warta Negara*, 4 Februari 1946.

menyiarkan berita-berita tentang sosial dan ekonomi orang Melayu. Ini dapat dilihat bahawa *Warta Negara* adalah salah satu akhbar yang memperjuangkan nasib dan kepentingan orang Melayu. Selain itu juga *Warta Negara* juga merupakan penyokong kuat terhadap tindakan orang Melayu menentang Malayan Union.

Di dalam hal ini kita akan dapati bahawa *Warta Negara* bersama-sama beberapa akhbar lain sering menyifatkan dan menyokong tindakan yang diambil oleh orang Melayu dalam perjuangan politik mereka. Antara akhbar-akhbar tersebut termasuklah *Utusan Melayu* dan *Majlis*. Kedua-dua akhbar ini juga diterajui oleh orang Melayu atau India Muslim. Oleh itulah apabila kita lihat setiap berita yang disiarkan di dalam akhbar ini adalah lebih mirip menyokong tindakan yang dilakukan oleh orang Melayu. Contohnya dalam akhbar *Majlis* hampir sama isu yang dipaparkannya dengan *Warta Negara* begitu juga dengan akhbar seperti *Utusan Melayu* yang mana sering menunjukkan pendirian mereka menyokong dan memperjuangkan hak orang Melayu tidak kiralah dalam bidang politik, ekonomi ataupun sosial.

Ini kerana, Ibrahim Mahmood mempunyai hubungan yang rapat dengan beberapa pengarang akhbar seperti *Warta Malaya*, dan *Utusan Melayu*. Di samping itu juga Ibrahim Mahmood pernah menjadi pengarang di dalam akhbar *Majlis* dan merupakan kawan rapat kepada Rahim Kajai serta Za'ba sewaktu mereka bersama-sama menjadi ahli Mengubal Perkataan-perkataan Melayu. Di samping itu juga, pengarang-pengarang akhbar Melayu ini adalah amat terkenal dalam memperjuangkan nasib orang Melayu tidak kiralah dalam apa juar bidang.

Selain itu, jika kita perhatikan bahawa hampir setiap hari ada sahaja isu atau berita tentang orang Melayu dipaparkan dalam akhbar ini sama ada tentang kemiskinan mereka, pendidikan ataupun perjuangan orang Melayu dalam politik. Kesungguhan akhbar-akhbar ini terutamanya *Warta Negara* dalam memaparkan isu-isu yang bersangkutan dengan orang Melayu telah menunjukkan ianya memberikan sokongan dan simpati terhadap nasib orang Melayu di Tanah Melayu.

Manakala akhbar seperti *Straits Acho* dan *Straits Times* pula laporannya adalah mendatar sahaja tanpa memperlihatkan mereka ini menyokong tindakan yang di ambil untuk menyokong orang Melayu. Ini mungkin di sebabkan akhbar ini dimiliki atau dikuasa oleh golongan imperialis. Oleh itulah sudah pasti ianya lebih menyokong pihak penjajah.

Kesimpulan

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa terdapat persamaan isi kandungan yang dipaparkan oleh beberapa akhbar berbahasa Melayu ini dan pandangan akhbar-akhbar ini juga hampir sama. Pertama, adalah berkaitan dengan politik Melayu. Di sini kita akan dapat melihat tulisan-tulisan yang disiarkan dalam *Warta Negara*, *Majlis* ataupun *Utusan Melayu* mengenai penglibatan orang Melayu dalam politik. Melalui tulisan-tulisan yang disiarkan di dalam akhbar ini telah menunjukkan pandangan akhbar tersebut dalam menyokong penglibatan orang Melayu dalam Pertubuhan-pertubuhan atau Kesatuan-kesatuan Melayu seperti Kesatuan Melayu Selangor, SEBERKAS dan

sebagainya dalam tahun 1946. Di samping itu juga akhbar seperti *Warta Negara*, sering mensyorkan agar kesatuan-kesatuan yang bersifat kenegerian bersatu dalam menentang Malayan Union.

Selain itu juga akhbar-akhbar ini terutamanya *Warta Negara* begitu menyokong tindakan orang Melayu dengan cara meniupkan semangat perjuangan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada terus dicengkam dan ditadbir oleh British. Akhbar seperti *Warta Negara* sering menyeru agar orang Melayu bersatu padu menentang Malayan Union dan mengharapkan agar Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan. Pandangan-pandangan yang dilontarkan dalam tulisan-tulisan yang sering disiarkan oleh akhbar ini menunjukkan pendirian dan pandangan akhbar serta sokongan mereka terhadap segala tindakan orang Melayu yang semakin aktif membabitkan diri dalam politik.